

## **PENGUMUMAN AMAT PENTING** - 019/09/NEU10

13hb Julai 2010

Kepada Para Penedar Yang Dihargai

### **PER: HARTA INTELEKTUAL**

---

Pihak Syarikat telah dimaklumkan bahawa ada pendedar telah mereka/mencipta laman web yang bernama [www.neumaxinternational.com](http://www.neumaxinternational.com) dimana secara langsung / tidak langsung telah mengelirukan orang awam, pengguna dan/atau pendedar yang ada.

Sukacita dimaklumkan bahawa pendedar tidak dibenar menyatakan atau membuat sebarang representasi bahawa dia mempunyai hak pendedar yang eksklusif dengan Syarikat tersebut atau menggunakan sebahagian dari nama, logo, cogan kata atau tanda niaga Syarikat tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Syarikat tersebut.

Pihak Syarikat disini, mengumumkan dengan jelas kepada para pendedar yang dihargai bahawa laman web tersebut adalah **TIDAK DIBENARKAN / TIDAK SAH** oleh Pihak Syarikat serta telah melanggar Undang-Undang Dan Peraturan Yang Menguasai Pendedaran dalam Panduan Perniagaan dibawah kuasa 65 yang menyatakan:-

*Pendedar tidak mempunyai hak untuk menggunakan nama Syarikat tersebut, tanda niaga, nama tanda atau sebarang variasi di sini sebagai nama tanda niaga atau nama tandanya.*

Sukacita dimaklumkan bahawa pendedar akan mematuhi segala undang-undang, peraturan dan amalan yang berkenaan dengan operasi pendedaran dan yang menguasai pemasaran pelbagai peringkat tetapi tidak dihadkan kepada Akta Jualan Terus Malaysia 1993.

Pendedar yang terbabit dalam pendaftaran laman web tersebut, akaunnya telah **DISEKAT** oleh Syarikat sehingga Syarikat menerima penjelasan bertulis yang kukuh berkaitan dengan hak yang tidak sah dibawah perenggan 2 dan Syarikat tersebut tidak bertanggungjawab keatas akibat dari sebarang pencabulan disini atau menjadi “liabil” atau diikat dari apa-apa tindakan atau peninggalan pendedar.

Keputusan kami adalah muktamad. Terima kasih.

Yang benar,  
**NEUMAX SDN. BHD.**  
**PIHAK PENGURUSAN**